



SIARAN MEDIA

PROGRAM WARONGKU DILANCAR BANTU 3,500 USAHAWAN MIKRO LONJAK PENDAPATAN

Kuala Lumpur, 25 April 2021 – Program Pembangunan Penjaja dan Peniaga Melalui Smart Digital Terminal di bawah nama Warongku anjuran Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi (MEDAC) melalui agensinya SME Corp. Malaysia telah dilancarkan hari ini oleh YB Dato Sri Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar, Menteri Pembangunan Usahawan dan Koperasi.

YB Dato Sri Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar dalam ucapan perasmian beliau berkata, “Seramai 3,500 usahawan disasarkan untuk memperoleh manfaat dengan peruntukan berjumlah RM3.11 juta daripada MEDAC dan SME Corp. Malaysia bagi membantu mereka mendigitalkan perniagaan melalui Platform Warongku. Daripada jumlah ini, seramai 2,000 penjaja dan peniaga kecil telah menyertai platform ini sebagai *e-merchant*, manakala tambahan penyertaan seramai 1,500 lagi sedang dilaksanakan”.

Tambah beliau, “Warongku adalah merupakan kesinambungan kepada projek *e-runner* iaitu ‘Warong Rider’ yang dilaksanakan oleh pihak ICTSB dengan ilham dan kerjasama pihak Gabungan Persatuan-persatuan Penjaja dan Peniaga Kecil Melayu Malaysia (GPPPKMM) dan disokong oleh SME Corp. Malaysia menerusi Program *Micro Connector*. Program Warong Rider ini juga disokong oleh TEKUN, satu lagi agensi Kementerian melalui Skim TEKUN Mobilepreneur yang menyediakan pembiayaan sehingga RM10,000.00 bagi pembelian motosikal, pembaikan motosikal dan pemasangan aksesori tambahan”.

Program Warongku direka dengan objektif untuk meningkat dan melonjakkan pendapatan usahawan mikro dan usahawan informal serta penjaja dan peniaga kecil

melalui jualan dalam talian dan memberi kesedaran serta menggalakkan penggunaan aplikasi digital di kalangan mereka untuk pemasaran yang lebih luas dan transaksi yang lebih bersistematik. Selain itu program ini menawarkan latihan atau kursus kepada mereka yang kurang pendedahan teknikal dan literasi pemasaran secara digital. Ia juga membantu mengembangkan perniagaan usahawan mikro dan mempertingkatkan keupayaan perusahaan mereka melalui platform jualan makanan yang terpilih.

Sehingga kini, seramai 70 orang PKS telah dipilih untuk menyertai latihan di bawah program ini. Sesi latihan ini bertujuan melatih PKS bagi menggunakan platform Warongku serta mengadaptasi pendigitalan di dalam perniagaan mereka. Sesi ini telah diadakan pada 25 dan 26 Mac 2021 yang lalu bertempat di Kuching, Sarawak.

Pelaksanaan program ini juga akan melibatkan pendigitalan penjaja dan peniaga kecil melalui adaptasi *e-merchant*. Melalui kemudahan *e-merchant* ini, proses tempahan dan pembayaran oleh pelanggan akan dibuat secara digital melalui platform Warongku. PKS yang terlibat akan dibekalkan dengan terminal dan pendaftaran *merchant* (kedai), kad sim beserta data internet selama setahun serta pemasangan, penghantaran dan latihan.

Turut diadakan pada hari ini adalah majlis penyerahan terminal kepada 10 orang *merchant* yang terlibat, penyerahan replika kunci motosikal kepada wakil rider dari komuniti B40 melalui program Warong Rider dan penyerahan sijil penghargaan kepada tujuh (7) rakan strategik yang turut menjayakan program ini.

Majlis pelancaran pada hari ini turut diikuti secara dalam talian di sembilan (9) hab warong iaitu di Masjid Tanah, Melaka; Kuching, Sarawak; Kepala Batas, Pulau Pinang; Kemaman, Terengganu; Seremban 2, Negeri Sembilan; Kota Damansara, Selangor; Tambun, Perak; Batu, Kuala Lumpur dan Batu Pahat, Johor.

YB Datuk Wira Hajah Mas Ermieyati Haji Samsudin, Timbalan Menteri MEDAC turut bersiaran secara dalam talian dari Masjid Tanah, Melaka. Turut hadir adalah YBhg. Dato' Suriani Dato' Ahmad, Ketua Setiausaha MEDAC; YBhg. Dato' Ramli Haji Norani, Presiden GPPPKMM; YBhg. Dato' Sri Syed Hussien Al Habshee, Pengerusi SME Corp. Malaysia; Encik Rizal Nainy, Ketua Pegawai Eksekutif SME Corp. Malaysia dan Ketua-ketua Agensi MEDAC.

-TAMAT-

Untuk maklumat lanjut, sila hubungi Encik Nik Muhd Kamil Nik Ismail atau Puan Nor Azian Md Yusof di talian 03-2775 6280 dan 6174 atau emel – kamil@smecorp.gov.my dan azian@smecorp.gov.my

**PERBADANAN PERUSAHAAN KECIL DAN SEDERHANA MALAYSIA
(SME CORP. MALAYSIA)**

SME Corp. Malaysia
Level 6, SME 1, Block B
Platinum Sentral
Jalan Stesen Sentral 2
Kuala Lumpur Sentral
50470 Kuala Lumpur
Tel : 1300-30-6000
Fax : 603-2775 6001
E-mail : info@smecorp.gov.my
Website : www.smecorp.gov.my

SME Corp. Malaysia

SME Corp. Malaysia merupakan sebuah Agensi Penyelaras Pusat di bawah Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi (MEDAC) yang menyelaras pelaksanaan Program Pembangunan PKS anjuran semua Kementerian dan agensi yang berkaitan. Ia bertindak sebagai pusat rujukan setempat bagi penyelidikan dan penyebaran data PKS serta menyediakan khidmat nasihat untuk PKS di Malaysia. SME Corp. Malaysia turut memainkan peranan sebagai Sekretariat kepada Mesyuarat Majlis Pembangunan Usahawan dan PKS Kebangsaan (MPUPK) yang dipengerusikan oleh YAB Perdana Menteri Malaysia.